

**DALAM MAHKAMAH SESYEN DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
GUAMAN No: BA-A52NCvC-437-09/2020
ANTARA**

**SAVVY MATRIX SDN BHD
(No. Syarikat: 840296-T)**

... PLAINTIF

DAN

**ACASYS TECHNOLOGY SDN BHD
(No. Syarikat: 325284-W)**

... DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN



S/N wG2a0ZN/V0ekOHuTPoFLw

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

PENGENALAN

[1] Tuntutan Plaintiff adalah untuk menuntut tunggakan pembayaran daripada Defendan bagi kerja-kerja reka bentuk dalaman dan kerja-kerja pengubahsuaian.

LATAR BELAKANG KES

[2] Plaintiff merupakan sebuah syarikat yang didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai alamat berdaftar di No. 16D, Jalan 6/5, Taman Komersial Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan dan alamat peniagaan di Nadi Bangsar 23-07, Jalan Tandok, 51000 Bangsar, Kuala Lumpur

[3] Skop perniagaan Plaintiff adalah mengenai reka bentuk dalaman dan kerja- kerja pengubahsuaian.

[4] Defendan merupakan sebuah syarikat yang didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai alamat berdaftar dan perniagaan di 65, Jalan SS 15/4B, 47500 Subang Jaya, Selangor.

[5] Skop perniagaan Defendan adalah mengenai pembangunan hartanah dan kerja-kerja yang berkaitan

[6] Atas permintaan Defendan, Plaintiff diarahkan untuk memberi perkhidmatan kerja pengubahsuaian /reka bentuk dan menghantar bahan-bahan pengubahsuaian kepada Defendan untuk Projek Montessori di



S/N wG2a0ZN/V0ekOHuTPoFLw

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

SS19 [“Projek 1”] dan Projek untuk OUG Parklane Office [“Projek 2”].

ISU-ISU UNTUK DIBICARAKAN

[7] Isu-isu untuk dibicarakan sebagaimana yang dipersetujui pihak-pihak adalah seperti berikut:

(a) Sama ada ketiadaan bukti penyerahan (Delivery Orders) daripada Plaintiff kepada Defendan tidak dapat membuktikan kerja-kerja siap mengikut Purchase Orders dan Pelan Reka bentuk ?

Mahkamah memutuskan:

- i) Daripada keterangan-keterangan di Mahkamah, Mahkamah ini memutuskan bahawa untuk kes-kes pengubahsuaian bukan lah satu keperluan untuk dikeluarkan Delivery Orders, memadai dengan site inspection oleh Supervising Officer sahaja.
- ii) Mahkamah ini bersetuju dan menerima pakai hujahan bertulis Plaintiff berkaitan isu ini.

(b) Sama ada Defendan telah membuat Advance Payment kepada Plaintiff bagi Projek 1 dan Projek 2?

Mahkamah memutuskan:

- i) Daripada keterangan-keterangan lisan dan dokumentasi yang dimajukan di Mahkamah, Mahkamah ini memutuskan tiada Advance Payment yang dibuat oleh Defendan kepada Plaintiff.



S/N wG2a0ZN/V0ekOHuTPoFLw

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

ii) Mahkamah ini bersetuju dan menerima pakai hujahan bertulis Plaintiff berkaitan isu ini.

(c) Sama ada SD1 mempunyai pengetahuan dan pengawasan terhadap kedua-dua Projek Montessori dan OUG memandangkan SD1 hanyalah seorang Pengarah Kewangan dan bukan Pengarah Projek bagi kedua-dua projek tersebut?

Mahkamah memutuskan:

i) SD1 adalah seorang Pengarah Kewangan dan bukan Pengarah Projek bagi kedua-dua projek tersebut. Oleh yang demikian, SD1 tiada pengetahuan dan pengawasan terhadap projek-projek tersebut. Sehubungan itu, pihak Plaintiff sewajarnya memanggil saksi yang berkaitan bagi memberikan keterangan bagi pihak Plaintiff.

ii) Mahkamah ini bersetuju dan menerima pakai hujahan bertulis Plaintiff berkaitan isu ini.

(d) Sama ada Tuntutan Balas oleh Defendan terhadap Plaintiff telah dapat dibuktikan?

Mahkamah memutuskan:

i) Daripada keterangan saksi-saksi serta dokumen-dokumen yang difailkan dalam perbicaraan ini Tuntutan Balas oleh Defendan terhadap Plaintiff telah tidak dapat dibuktikan.



S/N wG2a0ZN/V0ekOHuTPoFLw

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

- ii) Mahkamah ini bersetuju dan menerima pakai hujahan bertulis Plaintiff berkaitan isu ini.

SAKSI

[8] Plaintiff memanggil 3 orang saksi dan Defendan memanggil satu saksi masing-masing.

KEPUTUSAN

[9] Setelah mendengar keterangan saksi-saksi Plaintiff dan Defendan dan meneliti Hujahan bertulis kedua-dua belah pihak serta merujuk kepada Dokumen-dokumen yang telah difailkan, Tuntutan Plaintiff terhadap Defendan adalah DIBENARKAN untuk perkara-perkara berikut:

- (a) Bagi jumlah RM 83,653.00- Dibayar oleh Defendan kepada Plaintiff.
- (b) Faedah 5% setahun dari tarikh Penghakiman sehingga penyelesaian penuh.
- (c) Kos RM 7,000.00 dibayar oleh Defendan kepada Plaintiff



S/N wG2a0ZN/V0ekOHuTPoFLw

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

[10] Tuntutan Balas oleh Defendan terhadap Plaintiff adalah ditolak dengan kos.

[11] Kos sebanyak RM 7000.

Chiang Woei Chien, peguamcara bagi perayu
Tetuan Chiang Chambers

Khoo May Yee, peguamcara bagi Responden
Tetuan Amely Khoo & Co.

tt

(Azman bin Ahmad)

Hakim,

Mahkamah Sesyen Sivil 4

Shah Alam



S/N wG2a0ZN/V0ekOHuTPoFLw

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal